

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin
Haji Mohd. Yassin [Pagoh]

TARIKH : 27 November 2017 (Isnin)

SOALAN : Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji
Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan jenis-jenis subsidi
dan bantuan daripada Kerajaan untuk
Sektor Perladangan, Perikanan dan
Pertanian bagi tempoh kebelakangan ini
bagi menangani kesan kenaikan kos
pengeluaran / peralatan yang terpaksa
ditanggung oleh pengusaha sektor
berkenaan; dan nyatakan jenis subsidi
yang telah ditarik balik oleh Kerajaan
bagi sektor-sektor tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa prihatin akan keadaan yang dihadapi oleh petani dan nelayan terutama apabila berlaku kenaikan kos pengeluaran. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyediakan subsidi/ bantuan setiap tahun kepada pengusaha sektor berkaitan. Jenis subsidi/ bantuan yang disalurkan oleh Kementerian ini melalui jabatan dan agensi di bawahnya adalah seperti berikut :

- (i) Skim subsidi diesel dan petrol nelayan;
- (ii) Elaun sara hidup nelayan;
- (iii) Insentif hasil tangkapan ikan;
- (iv) Skim Subsidi Harga Padi (SSHP);
- (v) Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SPRPB);
- (vi) Insentif Benih Padi Sah (IBPS);
- (vii) Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP); dan
- (viii) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP).

Jenis subsidi yang telah ditarik balik oleh Kerajaan atau tidak aktif buat masa ini pula adalah :

- (i) Insentif Input Pengeluaran Padi (IIPP);
- (ii) Insentif Peningkatan Hasil (IPH);
- (iii) Subsidi Harga Beras (ST15%); dan
- (iv) Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) bagi komponen baja tambahan iaitu baja organik, baja foliar dan *growth enhancer*.

53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

TARIKH : **27 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

SOALAN : **28**

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah program pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) yang sudah lebih kapasiti 6.5 juta penumpang masih belum diluluskan apabila jumlah penumpang adalah 6.7 juta pada tahun 2016 dan dijangka meningkat melebihi 7.1 juta penumpang tahun ini. Nyatakan kos projek pembesaran yang dicadangkan. Apakah jumlah penumpang dan kadar pertumbuhan PIA tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2016 untuk semua lapangan terbang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 telah bersetuju untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Menerusi projek naik taraf ini, kapasiti penumpang akan meningkat kepada 12 juta penumpang setahun (mppa) berbanding kapasiti terminal sedia ada iaitu 6.5 mppa. Pada masa ini, perbincangan dengan MAHB mengenai pelaksanaan naik taraf LTAPP sedang dijalankan. Oleh yang demikian, kos untuk naik taraf LTAPP masih belum dikenalpasti.

Sehingga Oktober 2017, jumlah penumpang yang dikendalikan di LTAPP telah meningkat sebanyak 449,580 orang kepada 5,922,259 orang penumpang berbanding 5,472,679 orang penumpang pada tempoh yang sama tahun 2016. Ini merupakan pertumbuhan sebanyak 8.2% berbanding lapangan-lapangan terbang lain yang merekodkan pertumbuhan di antara -8.5% sehingga 13.5%.